



MENANGI HADIAH WANG TUNAI!

berjumlah

RM 20,007

Laburlah dalam
UNIT AMANAH

Aset industri bernilai
RM152.5 bilion*
11 juta akaun
...dan bertambah

*Julai 2007

Penilaian simpanan dahulu tidak akan menentukan penilaian di masa hadapan. Nilai unit kepunyaan anda mungkin akan turun dan naik.

Baca & MENANG

HADIAH MINGGUAN

Pertama @ RM505 – Kedua @ RM303 – Ketiga @ RM101

HADIAH UTAMA

Pertama @ RM5,055 – Kedua @ RM3,033 – Ketiga @ RM1,011

MINGGU 12 Melabur Di Dalam Tabung Unit Amanah Luar Negara (offshore)

Dengan adanya liberalisasi, peluang bukan hanya terbuka di pasaran Malaysia sahaja tetapi juga di pasaran luar negara. Tabung unit amanah luar negara mengejar peluang ini dengan melabur di dalam negara-negara tertentu, serantau dunia, atau industri tertentu atau kelas aset yang berlainan. Memandangkan negara-negara yang berlainan mengalami pusingan ekonomi yang berlainan, prestasi positif di satu negara akan membantu mengimbangi kekurangan prestasi di satu negara lain.

Memang benar bahawa melabur di luar negara melibatkan risiko-risiko tambahan yang tidak wujud di dalam pasaran tempatan seperti risiko mata wang, risiko kedaulatan dan risiko-risiko tertentu yang dialami oleh individu. Juga terdapat isu kurang kebiasaan, pemantauan pelaburan luar negara, dan penglibatan kos yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada masalah ini boleh diatasi dengan melabur melalui tabung unit amanah luar negara. Unit amanah merupakan jentera pelaburan yang sesuai untuk melabur di luar negara. Ia membuka jalan kepada pasaran asing, yang lazimnya adalah di luar jangkauan pelabur sederhana serta menawarkan kos yang efisien dalam memiliki portfolio yang lebih luas.

Tabung luar negara adalah lebih sesuai untuk para pelabur yang berhasrat untuk menambah portfolio unit amanah tempatan mereka yang pelbagai dan/atau yang sanggup mengambil risiko tambahan dan perubahan harga yang lebih tinggi. Sebahagian daripada tabung luar negara mungkin mempunyai kadar jumlah perbelanjaan yang lebih tinggi disebabkan oleh pertambahan perbelanjaan bagi penyelidikan luar negara dan kos penjagaan serta transaksi yang lebih tinggi.

MINGGU 12 Borang Penyertaan. Lengkapkan soalan dengan tepat dan menangi hadiah WANG TUNAI!!!

1. Faedah melabur di dalam unit amanah luar negara ialah _____
 A. Ia memberi peluang untuk lebih kepelbagaian
 B. Ia mempunyai risiko yang kurang berbanding tabung tempatan
 C. Modal dan pulangan terjamin.

2. Umumnya, unit amanah luar negara menanggung kadar jumlah perbelanjaan yang lebih tinggi disebabkan oleh perkara-perkara berikut **KECUALI**:
 A. Kos penjagaan dan transaksi yang umumnya lebih tinggi
 B. Perbelanjaan yang ditanggung bagi penyelidikan luar negara
 C. Bayaran levi dikenakan untuk melabur di dalam tabung luar negara

3. Kenyataan manakah yang **BETUL** mengenai tabung unit amanah luar negara:
 A. Ia hanya untuk para pelabur yang mempunyai nilai aset yang tinggi
 B. Pasaran luar negara mempunyai risiko pelaburan yang rendah
 C. Pulangan para pelabur bergantung kepada risiko mata wang

Butir-Butir Peserta

Nama : _____ (mengikut K/P)
 Umur : ____ No.KP : _____ (Baru)
 Alamat : _____

 Untuk dihubungi : _____ (rumah)
 _____ (pejabat)
 _____ (t/bimbit)

Stesen radio yang saya gemari ialah:
 Mix fm My fm Era fm
 Lite fm 98.8 fm Sinar fm

Syarat-syarat & Peraturan Peraduan

1. Tempoh peraduan bermula dari 3 September 2007 hingga 26 November 2007 dan ianya adalah anjuran Persekutuan Pengurus-Pengurus Unit Amanah Malaysia (FMUTM).
2. Penyertaan adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas kecuali kakitangan FMUTM, Syarikat Pengurusan Unit Amanah (UTMC), Agen Unit Amanah Berinstitusi (UTA), Mereka yang berurusan dengan Unit Amanah (PDU), Agensi pengiklanan atau promosi dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka.
3. Peserta dikehendaki menandakan pada jawapan yang betul
 a) **UNTUK HADIAH MINGGUAN** > Hantarkan jawapan yang lengkap dalam masa 7 hari tidak termasuk hari peraduan di iklan.
 b) **UNTUK HADIAH UTAMA** > Kumpul dan hantarkan kesemua 12 borang penyertaan sebelum 26 November 2007. Peserta yang telah menghantar 12 borang penyertaan pada setiap minggu juga akan layak untuk memenangi hadiah utama terlaik pada para 5 and para 6(b).
4. Salinan fotostat borang penyertaan juga diterima dan peserta digalakkan untuk menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Setiap peserta hanya akan memenangi satu hadiah sahaja.
6. Pengadil adalah seperti berikut:
 a) **PEMENANG MINGGUAN** > hanya layak kepada penyertaan yang mempunyai jawapan yang betul kesemuanya kemudian diberi satu nombor berseri. Pemilihan akan dibuat

berdasarkan jumlah penyertaan yang layak pada minggu tersebut dan kemudian akan dibahagi tiga (jumlah hadiah mingguan).
 Contoh : Sebanyak 20,007 penyertaan diterima tetapi hanya 2,077 penyertaan yang mempunyai jawapan yang betul kesemuanya. Oleh itu hanya 2,077 penyertaan yang akan diberi nombor berseri. Formula > 2,077 ÷ 3 = 692.33.
 Ini bermakna hadiah pertama akan dimenangi oleh penyertaan yang nombor berserinya 692, hadiah kedua kepada nombor berseri 1,384 (692 x 2) dan hadiah ketiga kepada nombor berseri 2,076 (692 x 3).
 b) **PEMENANG HADIAH UTAMA** > hanya layak kepada penyertaan yang mempunyai jawapan yang betul kesemuanya untuk 12 minggu berturut-turut. Cara pemilihan adalah sama seperti pemilihan pemenang mingguan.